



**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**GARIS PANDUAN SOLAT SUNAT TARAWIH DAN PROGRAM IHYA' RAMADAN 1442H  
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)  
NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN.**

**1. PENDAHULUAN**

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) COVID-19, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu telah membenarkan aktiviti ibadat dan pengimarahannya di Masjid dan Surau.

**2. TUJUAN**

Garis Panduan Pelaksanaan Solat Sunat Tarawih dan Program Ihya' Ramadan 1442 H sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan Negeri Terengganu Darul Iman disediakan adalah sebagai panduan kepada masyarakat dalam negeri Terengganu untuk menunaikan ibadah dalam bulan tersebut.

**3. OBJEKTIF**

- 3.1** Mewujudkan penyelarasan dengan memastikan pelaksanaan tugas mengikut ketetapan yang ditentukan.
- 3.2** Mengatur masyarakat agar mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)
- 3.3** Memastikan tiada jangkitan atau penyebaran wabak Covid-19.

**4. PANDUAN SOLAT TARAWIH DAN PROGRAM IHYA' RAMADAN 1442H**

Selaras dengan ketetapan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (**MAIDAM**) pada 2 Mac 2021 berkaitan pelaksanaan aktiviti ibadat di masjid dan surau dalam negeri Terengganu, berikut adalah garis panduan yang hendaklah dipatuhi sepanjang bulan Ramadan:

- i. Solat Sunat Tarawih **DIBENARKAN** mengikut ruang solat dan kawasan Masjid dan Surau.
- ii. Kutipan zakat fitrah oleh amil-amil yang bertauliah **DIBENARKAN** dilaksanakan di masjid dan surau disamping pembayaran secara dalam talian (online).

- iii. Penyediaan Iftar, moreh dan sahur **DIBENARKAN SECARA BUNGKUS SAHAJA.**
- iv. Jawatankuasa masjid dan surau **DIBENARKAN** untuk menyediakan buah kurma dan minuman untuk berbuka apabila waktu berbuka telah tiba.
- v. Tadarus Al-Quran **DIBENARKAN** diadakan di Masjid dan Surau.
- vi. Qiamullail **DIBENARKAN** diadakan di Masjid dan Surau.
- vii. Penggunaan penghawa dingin adalah **DIBENARKAN.**
- viii. Masjid dan surau hendaklah mewujudkan pasukan petugas yang terdiri daripada lelaki dan wanita untuk mengawal jemaah sepanjang keberadaan mereka di Masjid dan Surau.
- ix. Jawatankuasa masjid dan surau hendaklah sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan dan Keselamatan yang berkuatkuasa sepanjang aktiviti ibadat di bulan Ramadan dilaksanakan.


## 5. PENUTUP

Garis Panduan ini terpakai dan berkuat kuasa pada **12 April 2021** mulai Solat Sunat Tarawih sehingga satu ketetapan baharu yang akan dikeluarkan oleh Jabatan ini secara rasmi dari masa ke masa.

Mohon kerjasama daripada Jawatankuasa , Pegawai Masjid dan Jemaah untuk sama-sama mematuhi segala garis panduan ini bagi menjamin keselamatan bersama.

Sebagai Peringatan, adalah dimaklumkan pihak penguatkuasaan **Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JaHEAT) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM)** akan sentiasa membuat pemantauan dari semasa ke semasa. Jawatankuasa masjid atau surau boleh dikenakan tindakan jika berlaku pelanggaran terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan dan Keselamatan serta arahan dan garis panduan ini.

ARAHAN DIKELUARKAN OLEH:

  
.....  
HAJI MAT AZMI BIN ARSHAD  
PESURUHJAYA HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU  
07 APRIL 2021